



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016**  
**KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**  
21 hingga 25 September 2016

## **PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN GOLF**

### **1. AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut "Rules of Amateur Status approved by the Royal And Ancient Golf of St. Andrews" dan Local Rules kelab di mana pertandingan itu berlangsung.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Ketetapan & Peraturan AM **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU.**
- 1.4 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Golf **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** berasaskan kepada Peraturan-Peraturan Golf Antarabangsa.
- 1.5 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan **KEJOHANAN SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** adalah **MUKTAMAD.**

### **2. TARIKH PERTANDINGAN**

21 – 25 SEPTEMBER 2016

### **3. TEMPAT PERTANDINGAN**

Johor Golf Club, Jalan Tasek Utara, Johor Bahru dan Horizon Hill Golf & Country Club, Iskandar Puteri, Johor



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016**  
**KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**  
21 hingga 25 September 2016

#### **4. PENYERTAAN**

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Pegawai dan Kakitangan Pejabat SUK Negeri sepertimana yang dinyatakan dalam Para 6.1 dan 6.2 Ketetapan dan Peraturan AM, Kejohanan **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**.
- 4.2 Setiap kontinjen hanya dibenarkan mendaftar satu (1) pasukan sahaja untuk bermain dalam kategori Pasukan Gross (minima 3 dan maksima 4 orang). Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seorang (1) pengurus dan (1) orang jurulatih. Pengurus dan jurulatih boleh terdiri daripada pemain. Penyertaan adalah terbuka kepada pemain-pemain yang memiliki handicap yang dikeluarkan oleh Malaysian Golf Association (MGA) dan perlu dikemukakan kepada urusetia semasa pendaftaran.
- 4.3 Kontinjen yang tidak dapat menghantar pasukan penuh dibenarkan menghantar peserta individu tidak lebih dari dua (2) orang untuk satu acara sahaja iaitu Individu Gross. Namun tiada mata bagi acara individu ini.
- 4.4 Borang Penyertaan yang lengkap hendaklah disahkan oleh SUK Negeri atau Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri masing- masing.

#### **5. TARIKH TUTUP PENYERTAAN**

Tarikh tutup penyertaan adalah berdasarkan para 7.1 Peraturan AM **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**.

#### **6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN**

- 6.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sehari sebelum tarikh Pertandingan sebagaimana ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 6.2 Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau Pas Khas Peserta bagi peserta berkaitan. Pertukaran pendaftaran pemain adalah dibenarkan dengan bayaran pemprosesan sebanyak **RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Seratus Sahaja )**



- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Mensyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

## **7. ACARA YANG DIPERTANDINGKAN**

- 7.1 Acara Berpasukan: Pertandingan Gross Pasukan Lelaki.

7.1.1 Setiap negeri dibenar menghantar satu pasukan sahaja. Pasukan yang membuat jumlah Gross Score bagi tiga (3) orang pemain yang terbaik sekali akan diisytihar sebagai pemenang hanya pemenang bagi pertandingan net akan dikira mata manakala pemenang gross tidak akan diberi mata.

- 7.2 Sekiranya mana-mana pasukan kekurangan pemain apabila pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang dijadualkan maka pasukan berkenaan tidak layak bertanding dan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Golf **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** akan membuat keputusan yang mana ia adalah muktamad.

## **8. SISTEM PERMAINAN**

Pertandingan ini akan dijalankan secara "**STROKEPLAY**" dua pusingan 18 Lubang

## **9. KEPUTUSAN SERI**

- 9.1 Bagi pertandingan berpasukan, jika masih seri maka pemenang akan ditentukan melalui score pemain ke-4. Jika masih lagi seri, ia akan ditentukan secara "on count back" (OCB) iaitu "last 18,9,6,3 last hole, hole by hole" pemain ke-4.
- 9.2 Bagi pertandingan individu, jika seri maka pemenang akan ditentukan secara "on count back" (OCB) iaitu "last hole, hole by hole" dan handikap.



## **10. PERTANDINGAN TERGENDALA**

Sekiranya disebabkan cuaca atau lain-lain sebab pada pendapat Jawatankuasa Pengelola tidak dapat dielakkan dan permainan 18 lubang tidak dapat dielakkan maka Jawatankuasa Pengelola berhak menentukan cara lain yang di fikirkan sesuai dan munasabah untuk menentukan pemenang dan keputusannya muktamad.

## **11. BANTAHAN**

11.1 Sebarang bantahan hanya boleh di buat oleh Pengurus Pasukan sahaja dan hendaklah di buat secara lisan kepada Pengadil yang bertugas ketika itu. Kemudian tersebut hendaklah di kemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Golf tidak lewat 30 minit selepas tamat pertandingan tersebut Surat Bantahan hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Pasukan dengan disertakan bersama wang pemprosesan. Wang tersebut tidak akan dikembalikan samada bantahan tersebut berjaya atau ditolak oleh Jawatankuasa.

11.2 Sebarang bantahan berkaitan kelayakan pemain hanya boleh di buat semasa mesyuarat Pengurus Pasukan. Bantahan yang dibuat selepas itu akan ditolak. Keputusan Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan akan muktamad.

## **12. JAWATANKUASA BANTAHAN**

Ahli-ahli Jawatankuasa Bantahan adalah sebagaimana berikut :-

Pengerusi	:	Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Golf
Setiausaha	:	Koodinator Jawatankuasa Pertandingan Golf
Ahli	:	Wakil Jawatankuasa Pengelola Pegawai Teknikal Golf Refri/Pengadil Kehormat

Sebarang keputusan adalah muktamad.



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016**  
**KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**  
**21 hingga 25 September 2016**

### 13. PERKARA-PERKARA LAIN

Jika timbul sebarang perkara lain yang tidak diperuntukan di dalam peraturan ini, maka ia akan di rujuk kepada Jawatankuasa Teknikal Golf dimana keputusan Jawatankuasa adalah muktamad.

### 14. HADIAH

Hadiah – hadiah yang akan disediakan bagi pemenang adalah sebagaimana berikut:-

<b>KEDUDUKAN</b>	<b>HADIAH</b>
JOHAN	PIALA PUSINGAN PIALA IRINGAN Enam (6) Medal (Pingat Emas)
NAIB JOHAN	PIALA IRINGAN Enam (6) Medal (Pingat Perak)
KETIGA	Enam (6) Medal (Pingat Gangsa)

**SEKRETARIAT**  
**SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016**  
**JOHOR**